

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa langkah-langkah yang akan diambil untuk menutup "Menumbok Loophole" bagi mencegah warga bukan Sabah daripada masuk ke negeri Sabah tanpa pemeriksaan/pemantauan pihak Jabatan Imigresen di bawah Kerajaan Persekutuan dan sama ada akan diwujudkan Kaunter Imigresen di Menumbok dan Entry Visa akan diperkenalkan untuk warga bukan Sabah yang memasuki Sabah melalui Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan pemeriksaan dokumen perjalanan/pasport/kad pengenalan secara menyeluruh bagi tujuan pemantauan tetapi tiada sebarang penurunan endosmen dilakukan di semua pintu masuk WP Labuan-Sabah. Ini bertujuan untuk mengawal kemasukan ke negeri Sabah secara tidak teratur melalui WP Labuan.

KDN akan mengkaji cadangan penambahbaikan kawalan di pintu masuk negeri Sabah melalui WP Labuan termasuk pembatalan dasar *free flow* WP Labuan-Sabah dengan mengambil kira beberapa isu yang timbul khususnya berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah.